

Ceramah khas sempena Maulidur Rasul

KUALA SELANGOR: Sempena sambutan Maulidur Rasul, Masjid An-Nur di Saujana Utama di sini, turut mengadakan ceramah khas disampaikan Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Sukki Othman.

Beliau antara lain menekankan sambutan Maulidur Rasul tidak cukup sekadar menyertai perarakan dan berselawat ke atas nabi Muhammad SAW, malah lebih penting ialah umat Islam perlu memahami sirah baginda dalam kehidupan terutama selepas turun wahyu pertama di Gua Hira.

“Wahyu pertama yang diturunkan adalah suruhan membaca iaitu Iqra. Sebab itu, asas utama dalam memahami sunnah Rasulullah SAW adalah melalui ilmu dan majlis ini bermakna kita menghidupkan sunnah Baginda yang wajib iaitu menuntut ilmu,” katanya.

Pada masa sama, Mohd Sukki juga mengajak remaja menghayati sirah nabi Muhammad SAW supaya menjadi umat Islam berkualiti.

Katanya, hiburan ketika zaman remaja Baginda Rasulullah lebih dahsyat kerana ketika itu adalah zaman jahiliah tetapi Rasulullah sentiasa menjauhi tempat hiburan, selain Allah memelihara diri baginda daripada menjelaskan kaki ke situ.

“Banyak perkara berlaku di pusat hiburan yang melampaui batas dan sebab itu, jika mahu menjadi remaja Muslim berkualiti, jangan masuk ke pusat hiburan begini,” katanya.

Hadir sama di majlis itu, Nazir masjid, Harun Abd Rahman dan lebih 300 jemaah.